

# Usah berkira pasang CCTV berkualiti

BH 4/2/08 m/s 9

## Banyak kes jenayah sukar disiasat kerana imej dirakam sukar dicam pihak polis

### Laporan Khas

Oleh Azrul Affandi Sobry

**S**EJAK beberapa kes penculikan kanak-kanak dan rompakan bersenjata berlaku kebelakangan ini, sudah ramai pihak beralih perhatian kepada fungsi kamera litar tertutup (CCTV). Malah, sudah ada individu yang sanggup berbelanja sehingga RM2,000 semata-mata untuk memasang CCTV di rumah.

Persoalannya, benarkah ia mampu menjadi mata-mata bagi memantau salah laku orang ramai atau lebih tepat lagi menangani jenayah? Rasanya banyak juga kes jenayah termasuk bunuh dan rogol berlaku di dalam bangunan yang dilengkapi CCTV, tetapi gagal membantu proses penyiasatan pihak berkuasa.

Apakah tidaknya jika kebanyakan CCTV yang dipasang hanya sekadar gimik dan tidak kurang juga menggunakan peralatan yang sangat rendah kualitinya hinggan imej yang dirakamkan kabur dan tidak membantu langsung apabila bahan rakaman dianalisis.

Buktinya sudah ada. Kes membabitkan pembunuhan kejam Allahyarham Nurin Jazlin Jazimin yang berlaku September lalu. Meskipun rakaman CCTV diperolehi, namun pengecaman sukar dibuat lantaran kualiti rakamannya sangat rendah sehingga memaksa pihak polis meminta bantuan pihak luar mempertingkatkan butiran rakaman.

Itu hanya satu kes yang didedahkan kepada umum. Pasti banyak lagi kes termasuk rompakan, pecah rumah, penculikan dan pelbagai kesalahan jenayah dapat dirakamkan CCTV, tetapi tidak membantu proses siasatan.

Meskipun isu kualiti menjadi permasalahan, semua pihak perlu menerima hakikat bahawa senario peningkatan kadar jenayah yang semakin menjadi-jadi sejak akhir-akhir ini seakan memberi isyarat jelas untuk penggunaan CCTV diperluaskan terutama membabitkan kawasan berisiko tinggi.

Cuma apa yang perlu diberi perhatian ialah apabila kerajaan mula memandang serius dan menggalakkan pemasangan CCTV di lebih banyak kawasan di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT), soal kualiti dan pemantauan jangan diambil mudah.

Memang jika dilihat kepada perkembangan teknologi terkini yang menjadikan

pelbagai peralatan termasuk CCTV semakin murah memungkinkan sesiapa saja kini mampu memasang CCTV, namun jika sekadar pasang atau 'asalkan ada', ia tidak akan memberi sebarang makna dan lebih bersifat menipu diri sendiri.

Rumusannya mudah. Untuk apa CCTV dipasang di sana-sini jika fungsinya hanya sekadar perhiasan dan tak membantu apabila berlaku kes jenayah di situ. Sudahnya, penjenayah mungkin boleh selamba menari di depan CCTV sambil melakukan jenayah.

Pihak berwajib perlu bertindak segera mengenalpasti kawasan dikategorikan sebagai berisiko tinggi dan peruntukan khusus perlu disediakan bagi memastikan pemasangan CCTV yang benar-benar berkualiti dapat ditempatkan di kawasan terbabit.

Mungkin ada yang akan berkata – "Apabila jenayah sudah berlaku, baru CCTV membantu. CCTV bukan boleh membantu mencegah jenayah, hanya merakam apa yang berlaku."

Kenyataan itulah yang sebenarnya silap kerana jika merujuk kepada teknologi CCTV di seluruh dunia, sudah ada CCTV yang bukan sekadar bertindak sebagai pemantau dan merakam semata-mata, malah lebih hebat lagi mampu mengenal pasti imej penjenayah yang ada dalam rekod pihak berkuasa dan menghantar isyarat segera kepada polis apabila penjenayah itu melalui kawasan liputannya.

Justeru, jika teknologi itu dapat digunakan secara meluas atau sekurang-kurangnya menjadi 'mata-mata' di kawasan tumpuan ramai dan berisiko tinggi, pasti lebih ramai penjenayah dapat dijejaki dan se-

makin pantas pula polis bertindak menyelesaikan kes jenayah yang selama ini kerap tertunda.

Seperka lagi yang rasanya perlu diberi perhatian ialah pemasangan CCTV di kawasan sekolah. Meskipun jarang sekali ke-  
dengaran ada kes jenayah berlaku di dalam kawasan sekolah, semua pihak pastinya bersetuju banyak kes jenayah termasuk bunuh, culik dan rogol berlaku ketika pelajar pulang dari sekolah.

Kes penculikan membabitkan kanak-kanak juga kini semakin menjadi. Justeru, wajarlah kawasan yang menempatkan ramai kanak-kanak termasuk sekolah dan taman permainan dikawal lebih ketat dengan pemantauan melalui CCTV.

Mahal memanglah mahal, tetapi apa sangatlah nilai yang perlu dikeluarkan berbanding dengan nyawa dan keselamatan masyarakat di negara ini. Besar sangatkah nilainya jika ia nyata boleh menjadi ejen penyelamat kepada mangsa kekejaman jenayah?

Namun, berbalik kepada sikap masyarakat sendiri. Jangan terlalu berharap kepada kerajaan untuk menjaga keselamatan mereka sedangkan mereka sendiri lepas tangan dan tidak mengutamakan keselamatan dalam segala hal.

Pasanglah beribu CCTV di semua kawasan pun. Jika masyarakat terus tidak prihatin menjaga keselamatan mereka, apa saja usaha kerajaan akan menjadi umpama menyiram air ke daun keladi. Semua pihak mesti sedar, semakin canggih teknologi itu dicipta, semakin hebat jugalah teknik penjenayah untuk terus dapat beroperasi.

### FAKTA

#### Kes yang berjaya diselesaikan daripada rakaman CCTV sejak 2005-2007

- 19 kes berjaya diselesaikan
- 15 kes selesai pada 2007
- 7 kes samun berkawan
- 4 kes curi dalam bangunan
- 2 kes bunuh
- 1 kes senjata api



Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah PDRM